

## Transformasi Pendidikan Islam Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid: Memahami Peranan dan Sumbangan

M. Sadili<sup>1</sup> & Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

Corresponding authors: [muhammad.sadili24@gmail.com](mailto:muhammad.sadili24@gmail.com), [zuraidahjuliana@unisza.edu.my](mailto:zuraidahjuliana@unisza.edu.my)

Received: 25 January 2023 | Accepted: 28 February 2023 | Published: 31 March 2023

**Abstrak:** Pendidikan Islam yang prinsip asasnya adalah menimba ilmu, mampu membentuk insan yang berakhlak dan berkarakter mulia. Awal kemunculan pendidikan Islam di Indonesia, didikannya adalah melalui pelbagai pendekatan antaranya *halaqah* dan kuliah am, sebelum era pondok pesantren dan madrasah dilaksanakan. Kini, pendidikan Islam telah mengalami transformasi yang signifikan dengan era kontemporari. Namun, asbab dari pelbagai isu akhlak dan gejala sosial yang berleluasa, wujud kebimbangan tentang sistem pendidikan dan dasar yang diterapkan dalam proses pembelajaran, keperluan untuk mengintegrasikan dan mengharmonikan kurikulum pendidikan Islam dengan sains kontemporari, serta wujud pelbagai isu ketidakseragaman dan ketekalan dalam kurikulum pendidikan Islam. Bagi mengikuti arus peradaban, ramai tokoh terkemuka telah memainkan peranan penting dalam proses ini dan salah seorang tokoh yang dinobatkan adalah Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid. Maka, penyelidikan ini bertujuan menjelaskan peranan dan sumbangan transformasi Pendidikan Islam Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dalam pembangunan pendidikan Islam di Indonesia. Penyelidikan ini menggunakan rekabentuk kajian literatur dengan pendekatan kualitatif melalui analisis bahan. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif, tematik, dan interpretatif untuk mencari elemen transformasi Pendidikan Islam Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dalam era kontemporari. Hasil kajian mendapati, melalui refleksi pemikiran dan penubuhan Institut Pendidikan Islam, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid diakui sebagai tokoh yang berpengaruh dalam mengembangkan Pendidikan Islam di Indonesia khususnya di wilayah timur Indonesia. Sistem pendidikan di surau, masjid dan rumah Tuan Guru diiktiraf sebagai pendidikan Islam tradisional dan kontemporari. Kajian turut mendapati, peranan dan sumbangan Pendidikan Islam Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid adalah dengan memantapkan sistem secara mengintegrasikan agama dan pengetahuan am serta mampu menubuhkan sebuah Institusi Pendidikan Islam yang mampu bersaing dalam era moden. Menurut Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid, terdapat tiga elemen yang perlu diaplikasi dalam transformasi pendidikan Islam iaitu profesionalisme keguruan, akhlak pelajar dan kualiti pendidikan. Melalui konsep transformasi pendidikan Islam ini, ia diyakini mampu melahirkan generasi yang unggul dalam setiap disiplin ilmu bertepatan dengan harapan dan cita-cita Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid untuk membentuk karakter pelajar yang soleh dan *musleh*. Penyelidikan ini memberi sumbangan besar kepada wacana pendidikan Islam dalam era peradaban kontemporari yang menelusuri dinamika kemajuan pelbagai aspek.

**Kata Kunci:** Transformasi Pendidikan Islam, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid, Peranan dan Sumbangan

**Cite this article:** M. Sadili & Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. (2023). Transformasi Pendidikan Islam Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid: Memahami Peranan dan Sumbangan. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 3(1), p. 72-81.

## PENDAHULUAN

Prinsip asas agama tertanam dalam landasan ketuhanan, mencerminkan nilai-nilai teras agama, termasuk pemahaman terhadap Islam sebagai agama yang pada dasarnya bergantung kepada konsep keesaan Allah. Konsep ini, yang dikenali sebagai Tauhid dalam Islam, menandakan penyerahan seorang hamba kepada segala peraturan dan ketetapan Allah. Selain Tauhid, Islam juga menekankan akhlak dan etika yang dapat diamalkan dalam kehidupan masyarakat seharian. Nilai agama yang asas ini ditanamkan untuk membentuk individu Muslim yang berbudaya, berilmu, dan berakhlak mulia sebagai sebahagian daripada konsep Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Oleh itu, matlamat Pendidikan Islam bukan sahaja untuk menimba ilmu, tetapi juga untuk membentuk individu yang bertata susila dan berakhlak mulia sebagai komponen integral nilai-nilai asas Pendidikan Islam.

Dari segi sejarah, pendidikan Islam di Indonesia dibentuk oleh pendakwah yang menyebarkan Islam di seluruh wilayah (Azra, 2017). Semasa proses dakwah, interaksi sosial berlaku dalam kalangan individu untuk mempelajari Islam secara menyeronokkan dan positif, mengikuti ajaran Nabi Muhammad SAW. Proses pembentukan agama melibatkan aspek pendidikan untuk memahami segala bentuk ibadah kepada Allah sebagai ketaatan kepada semua perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Proses pendidikan Islam dalam konteks dakwah bermula dengan mengajak manusia dari pelbagai lapisan masyarakat, diikuti dengan penubuhan tempat ibadah. Dalam masyarakat Indonesia, pesantren dianggap sebagai tempat ibadah yang juga memudahkan interaksi dengan pendidikan Islam. Selepas pembinaan surau, ia kemudiannya berkembang menjadi pondok pesantren dan madrasah sebagai bentuk pendidikan Islam yang terus digunakan hingga kini (Mashuri, 2021).

Pendidikan dapat mempengaruhi perubahan dalam setiap aspek kehidupan bermasyarakat. Pendidikan Islam semakin menjadi perhatian negara yang majoriti penduduknya beragama Islam untuk dikembangkan pemahamannya dalam konteks pelbagai aspek. Hal ini termasuklah sumber manusia, kurikulum, cabaran global dan penggunaan teknologi dalam pembangunan pendidikan Islam. Transformasi Pendidikan Islam ditakrifkan sebagai satu proses kesinambungan ke arah kemajuan (Nurudin & Murti, 2023). Perkembangan pendidikan yang pesat mengikut peredaran zaman dan pengaruh era globalisasi yang berlaku memerlukan kita mengamalkan pendidikan Islam moden sesuai dengan perkembangan dan kemajuan zaman. Era globalisasi merupakan cabaran untuk sentiasa mengekalkan identiti Islam yang kukuh dalam pendidikan. Maka, transformasi pendidikan Islam amat diperlukan bagi melahirkan graduan yang berwibawa dalam menghadapi cabaran berbekalkan pengetahuan yang mantap tentang prinsip Islam.

Pendidikan Islam telah berkembang sejak sebelum wujudnya pondok pesantren dan madrasah, dengan penggunaan pelbagai sistem seperti halaqah dan bacaan umum (Suparman, 2022). Sistem ini berterusan dan kemudiannya diadaptasi secara meluas oleh pendakwah dan guru. Penampilan Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid membawa idea-idea baru dalam Pendidikan Islam. Beliau berjaya membentuk Institusi Pendidikan Islam yang menjadi asas bagi Institusi Pendidikan Islam moden. Transformasi Pendidikan Islam oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid mencakupi pembentukan sistem dan kurikulum yang dianggap ideal, termasuk penggabungan pengajian agama dan sains am.

## PENYATAAN MASALAH

Kualiti pendidikan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk memastikan kemajuan intelektual bangsanya. Usaha telah dilakukan secara berterusan dalam usaha membangunkan sistem pembelajaran dan infrastruktur pendidikan demi memenuhi keperluan semasa (Iswati, 2017). Namun, pelbagai masalah yang kompleks merintang usaha ini, terutamanya bermula dari struktur dan dasar

pendidikan yang diamalkan. Kejelasan dalam sistem pendidikan serta dasar pembelajaran menjadi isu penting yang belum diselesaikan sepenuhnya, memerlukan pemikiran yang mendalam serta konsep yang cemerlang untuk mencapai objektif pendidikan negara, terutamanya dalam konteks pendidikan Islam.

Selain itu, perpaduan antara kurikulum dan perkembangan sains kontemporari turut menjadi salah satu permasalahan utama dalam bidang pendidikan Islam (Nur, 2020). Pendidikan Islam tradisional masih terus dipertahankan tanpa usaha yang memadai untuk mengintegrasikan ilmu kontemporari, perkembangan semasa, dan teknologi yang berkembang pesat dalam dunia pendidikan. Hal ini ditambah pula dengan kebanyakan institusi pendidikan menampilkan identiti, kurikulum, dan kualiti masing-masing (Nur, 2020). Ketidakteraturan dan ketidakkekalan dalam pendidikan Islam berlaku, memberikan impak negatif kepada generasi muda (Norliza Hamzah, 2021). Secara tidak langsung, ia mencerminkan masalah ketidaksetaraan dan ketidakkekalan dalam pendidikan Islam sejajar usaha membangunkan kualiti pendidikan. Dengan demikian, penting bagi para penggiat pendidikan untuk terus mencari penyelesaian yang efektif dan holistik bagi menangani isu ini demi memastikan pendidikan Islam terus relevan dan berkualiti dalam memenuhi keperluan masa kini dan masa depan. Persekitaran pelajar mempengaruhi pemahaman mereka tentang integriti dan akhlak (Zulkifli, 2018). Oleh itu, keperluan pendidikan Islam yang mampu melahirkan individu berakhlak mulia dan berdaya saing global perlu diberikan perhatian.

Selain itu, pendidikan masa kini menghadapi pelbagai isu seperti pengiktirafan pendidikan sebagai struktur sosial atau proses transformasi hidup (Suyudi, 2019). Maka, transformasi pendidikan menjadi penting untuk bersaing dalam dunia moden agar institusi pendidikan mampu berinovasi dan terus relevan dalam membentuk individu yang cerdas dan kreatif. Sebaliknya, kegagalan merespons kepada perubahan akan menyebabkan institusi pendidikan ini ketinggalan dalam memajukan pendidikan Islam (Samsudin, 2012). Transformasi Pendidikan Islam perlu membangunkan corak pembelajaran yang tidak hanya memberi ilmu tetapi juga membentuk insan cerdas serta berakhlak melalui sistem pembelajaran yang teruji serta menjadi penyelesaian kepada masalah sosial dalam masyarakat khususnya generasi muda.

Peranan tokoh Islam seperti Kiai Haji Ahmad Dahlan melalui Muhammadiyah dan Kiai Haji Hasyim Asy'ari melalui Nahdlatul Ulama telah memberi sumbangan besar dalam pembangunan Pendidikan Islam di Indonesia. Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid juga memberi sumbangan besar dalam memperbaharui pendidikan Islam di Indonesia dengan menghadapi cabaran zaman dan masyarakat yang majmuk. Beliau menjadi tokoh yang berpengaruh dalam mengembangkan pendidikan Islam di Indonesia, terutamanya di kawasan timur Indonesia (Anugrah, 2021). Melalui dakwah dan penubuhan Institusi Pendidikan, beliau memberi sumbangan tanpa henti. Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid adalah seorang tokoh berkarisma dengan pemikiran dan idea yang banyak dalam memajukan pendidikan Islam. Oleh itu, kajian mengenai transformasi pendidikan Islam yang dilakukan oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid boleh menjadi satu medium pendekatan yang penting untuk difahami dari aspek peranan dan sumbangannya.

Maka, kajian ini bertujuan menjelaskan peranan dan sumbangan transformasi Pendidikan Islam oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid serta sumbangan dalam transformasi Pendidikan Islam Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid.

## **TRANSFORMASI PENDIDIKAN ISLAM**

Sejarah penyebaran Islam telah diselaraskan dengan evolusi pendidikan Islam dalam membentuk individu yang beriman dan berilmu. Dimulai dengan pengenalan kepada tauhid,

dan diikuti dengan amalan ibadah, ini merupakan salah satu pendekatan awal pendidikan Islam dalam membentuk insan yang berilmu dan berakhlak. Penyebaran Islam oleh para pendakwah telah meninggalkan warisan ilmu untuk diteruskan dan dikembangkan oleh generasi seterusnya, termasuk dalam bidang pendidikan Islam. Pendidikan Islam terus mengalami pembangunan demi membangunkan masyarakat yang beragama dan mampu bersaing dalam era globalisasi. Transformasi institusi pendidikan Islam dapat dilihat sejak permulaannya, dari pendidikan di tempat ibadah hingga munculnya Madrasah, yang terus berperanan sehingga hari ini.

Berdasarkan kajian, sistem pendidikan di surau (pesantren), masjid, dan rumah Tuan Guru dianggap sebagai pendidikan Islam tradisional yang bernilai. Keberadaan pondok pesantren telah menambah kepelbagaian sistem pendidikan yang ada di Indonesia. Secara etimologi, istilah "pesantren" berasal dari kata "santri" yang diawali dengan "pe" dan diakhiri dengan "an" sehingga menjadi "santri," yang bermakna "Shastri" yang berarti murid santri (Kahfi & Kasanova, 2020). Pada awalnya, pondok pesantren memiliki ciri-ciri uniknya sendiri, tetapi dengan perkembangan pesat dalam dunia pendidikan, banyak pondok pesantren yang berubah, meskipun beberapa tradisinya tetap dipertahankan. Pondok pesantren secara konsisten memainkan peranan dalam membangunkan pendidikan karakter dengan berfokus kepada ciri-ciri akhlak (Fauzan, 2015). Sebagai institusi pendidikan Islam tradisional, pondok pesantren menghormati nilai rohani yang diwariskan dalam pendidikan agama. Hubungan organik antara pondok pesantren dan masyarakat sebagai institusi pendidikan Islam memudahkan proses perkembangan pelajar sebagai kesinambungan sosialisasi dalam masyarakat (Farihatunnafsiyah & Widayat, 2017). Meskipun keberadaan pondok pesantren sebagai institusi yang terstruktur, surau dan masjid sebagai tempat pembelajaran agama tetap memegang konsep dan aplikasi yang tidak berubah dalam kehidupan masyarakat.

Sains dan teknologi terus berkembang, maka untuk bersaing, gaya pondok pesantren harus dikembangkan. Justeru, lahirnya madrasah sebagai institusi pendidikan Islam merupakan satu bentuk ketidakpuasan hati umat Islam terhadap sistem pendidikan pondok pesantren yang menitikberatkan pengajian agama tanpa mempedulikan mata pelajaran umum (Zuhdi, 2012). Kemunculan madrasah dikatakan sebagai khazanah institusi pendidikan Islam dalam masyarakat Islam yang sebelum ini menggunakan sistem pendidikan Islam tradisional. Madrasah dirujuk sebagai gabungan pondok pesantren dan sistem klasik yang mengajar agama dan pengetahuan am secara proporsional (Noor, 2006). Pertumbuhan madrasah di Indonesia didorong oleh dua faktor iaitu sambutan terhadap perasmian reformasi Islam di Indonesia dan tindak balas terhadap dasar penjajah dalam membentuk sistem pendidikan (Salam, 2021). Ciri-ciri madrasah yang sesuai dengan perubahan dan perkembangan zaman yang bercirikan pendidikan Islam yang digabungkan dengan pendidikan umum menjadikan madrasah sebagai daya tarik tersendiri di hati masyarakat Islam. Kehadiran madrasah sangat mengagumkan, walaupun penampilan mereka kelihatan masih terpinggir daripada sistem pendidikan negeri.

Dalam bidang Pendidikan Islam, transformasi didefinisikan sebagai proses yang berterusan menuju kepada kemajuan (Nurudin & Murti, 2023). Kemajuan ini menandakan perubahan dalam tamadun pendidikan Islam yang bertujuan untuk mendidik kehidupan bangsa dengan nilai-nilai akhlak yang tinggi. Sejak pertengahan tahun 1970-an, institusi pendidikan Islam secara keseluruhannya telah mengalami perkembangan yang pesat, menjauh dari model sekolah moden. Namun, pada tahun 1980-an dan 1990-an, kita menyaksikan pertumbuhan institusi pendidikan Islam. Pada tahun 2000-an, sekolah Islam mulai bersaing dengan sekolah negeri dan sekolah bukan Islam, dan pada tahun 2011, banyak sekolah Islam telah mengatasi sekolah negeri dan sekolah bukan Islam dari segi kualiti dan kemajuan (Sharif, 1990; Nurudin & Murti, 2023). Pendidikan Islam, dalam usahanya yang berpanjangan, sentiasa berusaha untuk menyesuaikan formatnya dengan konteks, masa, dan tempat yang berbeza.

## **Biografi Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid**

Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid adalah seorang ulama' terkenal yang mempunyai idea besar tentang dunia pendidikan, sosial dan dakwah di Indonesia. Beliau dilahirkan dengan nama Muhammad Saggaf anak kepada Tuan Guru Haji Abdul Majid dan ibunya Hajjah Halimatussa'diah. Beliau anak kelahiran Bermi, Pancor, Lombok Timur bertarikh 17 Rabi'ul Awwal 1316 H bersamaan 20 April 1908 M (Suparman, 2022). Penamaan Muhammad Saggaf oleh bapanya adalah berdasarkan kunjungan dua ulama besar dari Hadramaut dan Maghreb tiga bulan sebelum kelahirannya. Kedua-dua Waliyullah itu mempunyai nama yang sama iaitu "Shaqqaf", maka panggilan Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid ialah Muhammad Saggaf.

Pendidikan Muhammad Saggaf sejak kecil diajarkan secara langsung oleh ayahnya dalam membaca Al-Quran dan dasar agama Islam. Tambahan pula, pendidikan formalnya diambil di Sekolah Rakyat di Selong, Lombok Timur. Bagi memantapkan ilmu agama, ibu bapanya kemudian menyerahkan Muhammad Saggaf kepada beberapa orang guru tempatan untuk mempelajari agama Islam, nahwu dan sharf. Antara guru yang mengajar beliau ialah Tuan Guru Haji Syarafuddin dari Pancor, Tuan Guru Haji Muhammad Said dari Pancor dan Tuan Guru Haji Abdullah bin Amaq Dulaji dari Kelayu. Beberapa guru tempatan inilah yang meletakkan asas agama yang sangat kukuh dalam Muhammad Saggaf sebelum dia kemudiannya pergi ke Mekah untuk belajar.

Pendidikan di Mekah bermula dengan halaqah di sekitar Masjidil Haram yang dipimpin oleh Syaikh Marzuqi, seorang ulama Mekah berketurunan Palembang. Permulaan pengajiannya di Mekah berlangsung di Halaqah, dan berlangsung selama 2 tahun. Tambahan pula, nama Muhammad Saggaf ditukar selepas raya haji oleh bapanya kerana melihat seorang tokoh ulama yang sangat baik akhlaknya iaitu Muhammad Zainuddin dari Sarawak, Malaysia, maka secara rasminya Tuan Guru Haji Abdul Majid menukar nama anaknya kepada Muhammad Zainuddin. Muhammad Zainuddin kemudian melanjutkan pendidikannya di madrasah tertua di tanah suci Mekah iaitu Madrasah Ashsholatiyah, madrasah tertua di kota itu yang diasaskan pada tahun 1219 Hijrah oleh Syaikh Rahmatullah (Noor et al., 2014). Sistem pembelajaran di Madrasah Ashsholatiyah berlangsung selama 9 tahun dan sebelum masuk anda perlu mengambil peperiksaan kemasukan madrasah. Keputusan peperiksaan kemasukan Muhammad Zainuddin menunjukkan beliau layak untuk masuk ke kelas 3, tetapi beliau menolak dan ditempatkan di kelas 2. Maka masa belajar yang diambil oleh Muhammad Zainuddin semasa belajar di Madrasah Ashsholatiyah ialah 6 tahun dengan gelaran Mumtaz (Masnun, 2007). Di Madrasah Ashsholatiyah, Muhammad Zainuddin terkenal sebagai seorang yang cerdik pandai dan berakhlak mulia, baik terhadap sahabat dan gurunya. Dengan kepintarannya, dia mendapat banyak pujian daripada rakan dan gurunya.

Selepas tamat belajar di Madrasah Ashsholatiyah, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid kemudiannya pulang ke kampung halamannya di Lombok atas arahan gurunya, Maulana Syaikh Hasan Muhammad Al-Masysyath. Dengan misi meningkatkan tamadun pendidikan di Indonesia khususnya pendidikan Islam, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid telah mengasaskan pondok pesantren Al-Mujahidin sebagai tempat pengajian agama. Pada permulaannya, Pondok Pesantren Al-Mujahidin merupakan tempat belajar yang sederhana dengan sistem halaqoh. Kemudian transformasi itu dilakukan oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dengan menukar pondok pesantren menjadi Madrasah yang tidak pernah dilakukan oleh Tuan Guru pada zamannya mahupun sebelumnya. Madrasah Nahdlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI) kemudiannya diasaskan bagi menyahut cabaran pelaksanaan sistem pendidikan Islam yang tersusun demi melihat kualiti graduan yang dihasilkan. Transformasi institusi ini diikuti dengan perubahan sistem lain, termasuk pembentukan kelas dan kurikulum yang diterapkan di madrasah.

Selain mendirikan madrasah, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid giat berdakwah menyebar dan memurnikan syiar Islam kerana sebelum ini Lombok masih terpengaruh dengan budaya agama terdahulu iaitu Hindu dan Buddha. Keaktifannya berdakwah tidak mematahkan semangatnya mencipta karya bertulis yang terbahagi kepada beberapa bidang pengajian, wirid dan puisi. Antara karya Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dalam bahasa Arab iaitu *Risalah at-Tauhid* dalam bentuk soal jawab Bahasa arab termasuk dalam Ilmu Tauhid, ilmu Fiqih *Sullam al-Hija Syarh Safinah an-Naja*, ilmu faraidh *Nahdhah az-Zainiyyah*, ilmu faraidh *At-Tuhfah al-Anfananiyah Syarh Nahdhah az-Zainiyah*, ilmu faraidh *Al-Fawakih an-Nahdhiyah*, ilmu Balaghah *Mi'raj ash-Shibyan Ila Sama' Ilm al-Bayan*, ilmu Mushthalah al-Hadits *An-Nafahat Al at-Taqrirah al-Saniyah*, ilmu tajwid *Nail al-Anfal*, doa dan wirid *Hizib Nahdlatul Wathan*, doa dan wirid kaum Wanita *Hizib Nahdltaul Banat*, doa *Hisnul Malik*, *Fathu Rabbani bir Rinjani*, dalam Bahasa Indonesia yakni *Batu Ngompal* (ilmu tajwid), *Anak Nunggal Taqrirat Batu Ngompal* (ilmu tajwid), *Wasiat Renungan Masa I dan II* (nasihat untuk perjuangan). Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid juga membuat karya dalam bentuk nasyid/lagu perjuangan dan dakwah baik dalam Bahasa arab, Indonesia dan sasak diantaranya *Ta'sis NWDI*, *Imamuna Syafi'I*, *Ya Fata Sasak*, *Ahlan bi Wafd Zairin*, *Tanawwar*, *Mars Nahdlatul Wathan*, *Bersatulah Haluan*, *Nahdlatain*, *Pacu Gama'* (Noor et al., 2014).

## METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan rekabentuk kajian literatur dengan pendekatan kualitatif melalui analisis bahan sekunder. Bahan sekunder dalam penyelidikan ini ialah buku, jurnal ilmiah, artikel dan dokumen berkaitan sebagai sokongan kepada kejayaan penyelidikan ini. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif, tematik, dan interpretatif untuk mencari elemen transformasi Pendidikan Islam Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dalam era kontemporari.

## DAPATAN KAJIAN

Pendidikan Islam yang diamalkan pada masa kini menghadapi pelbagai masalah yang mencabar. Masalah ini termasuklah perbezaan antara ilmu agama dan pengetahuan umum, kelemahan dalam pengurusan sistem, dan kaedah pembelajaran di Madrasah (Rozi, 2020). Selain itu, kebajikan guru kurang diberi perhatian, dan terdapat diskriminasi terhadap Institusi Pendidikan Islam serta orientasi guru terhadap pensijilan (Karo, 2020). Oleh itu, pemajuan pendidikan Islam sering dikaitkan dengan cabaran-cabaran ini.

Konsep Pendidikan Islam yang diperkenalkan oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid bermula dengan pengajaran agama Islam dan penubuhan Pesantren a-Mujahidin. Memandangkan masyarakat Lombok ketika itu masih tertinggal dalam ilmu pengetahuan Islam, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid membawa perubahan yang signifikan. Pondok pesantren awalnya difokuskan kepada pengajian agama Islam (Noor et al., 2014). Seiring dengan perkembangan tamadun keilmuan Islam, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid mempunyai wawasan yang luar biasa.

Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid merasakan bahawa sistem pembelajaran halaqah di pondok pesantren al-Mujahidin tidak memberikan hasil yang memuaskan. Oleh itu, beliau menubuhkan Madrasah Nahdlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI) untuk pelajar lelaki, sebagai alternatif kepada institusi pendidikan Islam sebelumnya yang tidak mampu mencapai pencapaian yang diharapkan. Madrasah Nahdlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI) terdiri daripada tiga peringkat, iaitu Ilzamiyah, Tahdiriyah, dan Ibtidiyah (Nu'man, 2016).

Peringkat Ilzamiyah berlangsung selama satu tahun dan ditujukan kepada mereka yang tidak mempunyai pengetahuan dalam huruf Latin dan Arab serta tidak mahir membaca. Peringkat Tahdiriyah, sebagai sambungan kepada peringkat sebelumnya, memulakan pembelajaran ilmu agama termasuk fiqh, tafsir, dan hadis selama 3 tahun. Peringkat Ibtidaiyah merupakan peringkat terakhir yang menandakan penutupan proses pembelajaran di Madrasah NWDI. Peringkat ini berlangsung selama 4 tahun, menjadikan tempoh pengajian di Madrasah NWDI selama 8 tahun.

Selain menubuhkan Madrasah Nahdlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI) yang diperuntukkan kepada kaum lelaki, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid juga mengambil langkah untuk mendirikan Madrasah khusus untuk wanita. Penubuhan Madrasah khusus untuk wanita ini dipandu oleh ajaran Rasulullah yang menyatakan bahawa menuntut ilmu adalah kewajiban bagi kaum muslimin dan muslimat. Justeru, atas dorongan ini, beliau menubuhkan Madrasah Nahdlatul Banat Diniyah Islamiyah (NBDI). Pada permulaan penubuhannya, Madrasah NBDI mengadaptasi konsep yang serupa dengan Madrasah NWDI. Kedua-dua institusi pendidikan ini telah berkembang pesat dan terus maju sejak penubuhannya, menghasilkan alumni-alumni yang meneruskan legacy dan perjuangan Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dengan mendirikan cawangan-cawangan Madrasah di kampung masing-masing (Noor et al., 2014).

Selain peranan dalam institusi pendidikan, Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid juga memberi tumpuan kepada transformasi dalam kurikulum dan peranan guru dalam pendidikan Islam. Beliau tekankan kepentingan untuk memperkasakan mutu pendidikan dan pengetahuan secara menyeluruh, sebagaimana yang disampaikannya dalam wasiat kebaktian yang tertulis:

*Wahai anakku rajin berguru  
Pilih yang mursyid menjadi guru  
Lagipun Mukhlis taat selalu  
Serta Amanah, berakhlak guru.*

Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid sentiasa menekankan kepentingan pemilihan guru dalam memperkukuhkan Pendidikan Islam dalam setiap karya beliau. Beliau memberikan amaran yang jelas bahawa pemilihan guru yang betul adalah kunci kejayaan, kerana murid-murid yang dihasilkan oleh sistem pendidikan bergantung kepada kualiti guru-guru tersebut. Selain pesanannya yang diwarisi dari zaman ke zaman, beliau juga mengungkapkan gagasan ini melalui karyanya yang terkenal, "Memilih Guru". Dalam sajak tersebut, beliau menekankan bahawa guru yang ideal adalah mereka yang mempunyai integriti, kejujuran, dan kesungguhan dalam menegakkan ajaran Islam, semata-mata kerana rida Allah, serta mempunyai warisan ilmu yang berkait rapat dengan ajaran Nabi Muhammad SAW. Melalui pendekatan saintifik dan keteladanan yang dicontohkan oleh para guru yang dipilih dengan cermat, diharapkan sistem pendidikan Islam dapat menghasilkan generasi yang berkualiti dan berakhlak mulia dalam membawa mesej Islam kepada dunia moden (Anugrah, 2021).

Selain institusi pendidikan dan guru, konsep pendidikan Islam menurut Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid adalah pentingnya akhlak atau budi pekerti yang terbina dalam diri pelajar. Dalam kehidupan ini, ramai yang mengalami penurunan dalam aspek adab dan etika (Amin, 2021). Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid menekankan bahawa sikap-sikap seperti kejujuran, kesungguhan, amanah, istiqamah, dan keberanian adalah aspek yang penting bagi penuntut ilmu. Akhlak yang jujur ditekankan untuk melatih para penuntut ilmu agama supaya mereka tidak hanya mahir dalam ilmu pengetahuan, tetapi juga mempunyai akhlak yang mulia (Setyaningsih & Sabiq, 2021). Menurut Tuan Guru

Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid, proses menuju kebahagiaan di dunia dan akhirat adalah asas pendidikan Islam.

Dalam perjalanannya, pendidikan Islam dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa elemen penting, termasuklah institusi pendidikan, guru, dan pelajar. Institut Pendidikan Islam yang dikendalikan oleh Tuan Guru Kiai Haji Mahammad Zainuddin Abdul Majid terus berkembang dan memajukan diri dengan mengamalkan kurikulum Pendidikan Islam untuk memperkukuhkan kedudukan guru dan pelajar. Guru, sebagai pendidik, diberi penekanan untuk mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing serta mampu bersikap jujur dan ikhlas dalam menyampaikan ilmu pengetahuan agama Islam. Sementara itu, usaha memperkukuhkan pelajar termasuklah dengan menanamkan semangat kesungguhan dan keikhlasan dalam menimba ilmu, serta mengekalkan semangat pelajar dalam proses pembelajaran.

Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid turut memberi sumbangan besar dalam memajukan pendidikan Islam, salah satunya dengan memperkasakan sistem pendidikan Islam dengan mengintegrasikan ilmu agama dan ilmu am. Sebelum ini dilakukan oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid, terdapat dikotomi antara ilmu agama dan ilmu am yang seolah-olah menghalalkan kedua-duanya sebagai bertentangan (Anugrah, 2021). Keadaan ini turut memberi kesan negatif kepada amalan sains di Nusantara di tengah-tengah masyarakat (Abdullah, 2012). Tindakan dikotomi ini ditentang oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid, maka beliau menekankan untuk mempelajari segala jenis ilmu untuk kepentingan dunia dan akhirat. Malah beliau menganggap orang yang membahagikan ilmu adalah orang yang melakukan penyelewengan (Muslim, 2014).

Pengintegrasian ilmu agama dan pengetahuan am direalisasikan dalam bentuk pembangunan Institusi Pendidikan Islam oleh Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid iaitu Madrasah Nahdlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI) dan Madrasah Nahdlatul Banar Diniyah Islamiyah (NBDI). Kedua-dua madrasah utama ini menjadi cikal bakal penubuhan madrasah yang tersebar di seluruh pulau Lombok yang menggabungkan sistem klasik dan moden yang dikonsepkannya. Pada awal penubuhannya, Madrasah Nadhlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI) dan Madrasah Nahdlatul Banat Diniyah Islamiyah (NBDI) berpegang kepada kurikulum Madrasah Ashsholatiyah Makkah (Muslim, 2014). Kemudian transformasi pendidikan dilakukan dengan mengintegrasikan ini dan mengikuti perubahan dasar dan kurikulum serta matlamat pendidikan yang dicanangkan oleh Kerajaan (Nahdi, 2014). Pengintegrasian ilmu agama dan am untuk meningkatkan tatanan kehidupan bermasyarakat.

Konsep ini bukan sahaja merangkumi penyelesaian kepada cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam dalam era globalisasi masa kini, tetapi juga menggabungkan nilai-nilai agama dan sains bagi menghasilkan ulama yang kukuh dalam kepercayaan agama dan luas dalam pengetahuan sains. Keseimbangan antara ilmu agama dan sains menjadi asas yang penting dalam mewujudkan individu yang holistik.

Pendidikan Islam menurut konsep Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid tidak hanya membawa transformasi dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat, tetapi juga menyumbang kepada warisan nilai-nilai yang turun-temurun dalam melaksanakan pendidikan Islam. Nilai-nilai ini, yang direalisasikan melalui Institusi Pendidikan Islam yang diasaskan oleh beliau, menyediakan landasan yang kukuh untuk menghadapi cabaran globalisasi dan zaman moden. Keupayaan Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dalam menyahut cabaran semasa tercermin dalam usahanya menyumbang idea melalui penubuhan Institusi Pendidikan Islam serta penekannya terhadap nilai murni dalam ajaran yang disampaikan.

Konsep Pendidikan Islam menurut Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid mampu memberikan arah yang jelas dalam membentuk individu yang mampu bersaing, berakhlak mulia, serta penuh dengan tanggungjawab dan kesedaran rohani. Menurut Atsani & Nasri (2023), konsep ini berpotensi untuk membentuk generasi yang berwawasan dan memberikan sumbangan yang positif kepada masyarakat serta pembangunan Pendidikan Islam yang lebih progresif dan relevan dengan keperluan masa kini.

## KESIMPULAN

Peranan Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid dalam membentuk Pendidikan Islam adalah penting dan terstruktur dengan baik untuk mencapai matlamatnya. Beliau menekankan profesionalisme guru, pembentukan sahsiah dan akhlak pelajar, serta meningkatkan kualiti institusi pendidikan. Selain itu, beliau mengamalkan pendekatan pendidikan yang menggabungkan elemen klasik dan moden, yang saling melengkapi satu sama lain. Usaha beliau juga menekankan integrasi antara ilmu agama dan sains, yang sebelum ini jarang dilakukan dalam konteks pendidikan Islam. Pentingnya kesepaduan antara ilmu agama dan am ini digambarkan dalam penubuhan dua madrasah awal, iaitu Madrasah NWDI dan Madrasah NBDI.

Sumbangan pemikiran cemerlang Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid menjadi cerminan transformasi dalam dunia pendidikan Islam. Nilai-nilai yang teguh yang diterapkan dalam setiap inisiatif dan usahanya akan membawa impak besar dalam menangani cabaran masa kini dalam pendidikan Islam. Dengan konsep yang beliau anjurkan, beliau mampu menjawab cabaran zaman, memastikan bahawa pendidikan Islam tidak ketinggalan. Di masa hadapan, pendidikan Islam diharapkan mampu melahirkan generasi yang unggul dalam pelbagai bidang ilmu, sejajar dengan aspirasi dan visi Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Majid.

## RUJUKAN

- Abdullah, M. A. (2012). *Islamic Studies di Perguruan Tinggi*. Pustaka Pelajar.
- Amin, A. M. (2021). Implementasi Pembentukan Karakter Multikultural Santri Pondok Pesantren Riydlus Sholihin Kota Probolinggo. *Jurnal Pendidikan Islam*, 14(1), 46.
- Anugrah, A. T. (2021). Pembaharuan pendidikan Islam di Indonesia Perspektif TGKH. Muhammad Zainuddin Abdul Madjid. *Tarbiyyatuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 14(Agustus), 101–122.  
<https://www.ejournal.iaisyarifuddin.ac.id/index.php/tarbiyatuna/article/download/1026/505>
- Atsani, L. gede M. Z., & Nasri, U. (2023). Relevansi Konsep Pendidikan Islam TGKH. Muhammad Zainuddin Abdul Madjid di Era Kontemporer. *Jurnal Pendidikan Islam*, 15, 87–102.
- Azra, A. (2017). *Surau: Pendidikan Islam Tradisi dalam Transisi dan Modernisasi*. Kencana.
- Farihatunnafsiyah, S., & Widayat, I. W. (2017). Strategi pembentukan karakter kepemimpinan di pesantren Tebuireng. *Jurnal Psikologi Pendidikan Dan Perkembangan*, 06, 1–18.  
<http://repository.unair.ac.id/id/eprint/66191>
- Fauzan, F. (2015). Peran Pesantren Dalam Mengembangkan Pendidikan Karakter. *El-Furqania: Jurnal Ushuluddin Dan Ilmu-Ilmu Keislaman*, 1(01).  
<https://doi.org/10.54625/elfurqania.v1i01.881>
- Iswati. (2017). Transformasi Pendidikan Agama Islam Dalam Membangun Nilai Karakter Peserta Didik Yang Humanis Religius. *Pendidikan Islam Al I'tibar*, 3(1), 41–55.
- Kahfi, S., & Kasanova, R. (2020). Manajemen Pondok Pesantren Di Masa Pandemi Covid-19 (Studi Pondok Pesantren Mambaul Ulum Kedungadem Bojonegoro). *Pendidikan*

- Berkarakter*, 3(1), 26–30.
- Karo, T. K. (2020). Pemetaan Permasalahan Pendidikan Islam di Indonesia dan Langkah-langkah Mengatasinya. *Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 4(1), 155. <https://doi.org/https://doi.org/10.51590/waraqat.v4i1.79>
- Malaysia, K. P. (2020). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tahun 5*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mashuri, S. (2021). *Pendidikan Islam di Pualau Lombok (Kiprah TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Majid dalam Perkembangan Sistem Pendidikan Islam di Nahdlatul Wathan)* (A. Ariyanto (ed.)). CV. Literasi Nusantara Abadi.
- Masnun. (2007). *Tuan Guru KH Muhammad Zainuddin Abdul Majid Gagasan dan Gerak Pembaharuan Islam di Nusa Tenggara Barat*. Pustaka Al Miqdad.
- Muslim, M. (2014). *Kiparah Nahdlatul Wathan “Dinamika Pemikiran & Perjuangan Dari Generasi Pertama Hingga Generasi Ketiga”* (M. Firdasu & Irzani (eds.)). Bania Publishing.
- Nahdi, K. (2014). Dinamika Pesantren Nahdlatul Wathan dalam Perspektif Pendidikan, Sosial, dan Modal. *Pendidikan Islam*, 70.
- Noor, M. (2006). *Potret Dunia Pesantren: Lintas Sejarah, Perubahan dan Perkembangan Pondok Pesantren*. Humaniora.
- Noor, M., Habib, M., & Zuhdi, M. H. (2014). *Visi Kebangsaan Religius* (M. Firdaus & A. Muzayyin (eds.); Third). Pondok Pesantren Nahdlatul Wathan Jakarta.
- Norliza Hamzah, H. A. (2021). Pendidikan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Murid. *Jurnal Peradaban Melayu*, 4271, 22–33. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/5235/3126>
- Nu'man, A. H. (2016). *Maulanasyaikh TGKH. Muhammad Zainuddin Abdul Majid Riwayat Hidup dan Perjuangannya*. Pengurus Besar Nahdlatul Wathan.
- Nur, S. (2020). Transformasi Pendidikan Islam Di Indonesi. *Jurnal Pendidikan Islam*, III(1), 55–70.
- Nurudin, L., & Murti, A. W. (2023). Transpormasi Organisasi Lembaga Pendidikan Islam dalam Menghadapi Persaingan Gelobal (Telaah Transformasi IAIN Surakarta menjadi UIN Raden Mas Said Surakarta). *Jurnal Manajemen Dan Budaya*, 3(1), 14–23. <http://dx.doi.org/10.51700/manajemen.v3i1.416>
- Rozi, B. (2020). Problematika Pendidikan Islam di Era Revolusi Industri 4.0. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 39. <https://doi.org/https://doi.org/10.38073/jpi.v9i1.204>
- Salam, R. (2021). *Pendidikan di Pesantren dan Madrasah*. 1, 1–9. <https://doi.org/10.26618/iqra>
- Samsudin. (2012). Format Baru Transformasi Pendidikan Islam. *Islamica*, 7(1), 25.
- Setyaningsih, M., & Sabiq, A. F. (2021). Praktik Pendidikan Agama Islam Berbasis Penguatan Karakter Religius dan Jujur di Lingkungan Full Day School. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 2(1), 14. <https://doi.org/https://doi.org/10.51276/edu.v2i1.72>
- Sharif, M. (1990). *Psikologi Pendidikan Islam*. Remaja Rosdakarya.
- Suparman, S. (2022). Gerakan Modernisasi Pendidikan Islam (Telaah Pemikiran Maulanasysyaikh TGKH. Muhammad Zainuddin Abdul Madjid Tentang Pendidikan Islam di Lombok). *Al-Nahdlah*, 1(April), 186–200.
- Suyudi, M. (2019). Upaya Transformasi Pendidikan Islam Berdasarkan Paradigma dan Filosofinya. *Qalamuna - Jurnal Pendidikan, Sosial, Dan Agama*, 11(1), 1–11.
- Zuhdi, A. (2012). *Madrasah Sebagai Tipologi Lembaga Pendidikan Islam (Kajian Tentang Berbagai Model Madrasah Unggulan*. 5(1), 1–8.
- Zulkifli, A. M. (2018). *Konsep Muhasabah Diri Menurut Imam Ghazali*. University Negeri Ar-Raniry.